

BAB III

SYAIR-SYAIR MUDA OMAR ‘ALI SAIFUDDIEN

3.1 Sejarah Hidup Muda Omar ‘Ali Saifuddien

3.1.1 Kelahiran, Pendidikan, Perkahwinan dan Lindung (Mangkat)

Baginda telah diputerakan di Kampong Sultan Lama, Bandar Brunei pada 3 Zulkaedah 1332 bersamaan dengan 23 September, 1914.¹ Baginda adalah putera ketujuh daripada sepuluh orang adik beradik kepada Almarhum Sultan Muhammad Jamalul Alam.² Sejak kecil lagi baginda

1. Mohd. Jamil al-Sufri, Penyair Diraja, hal. 9, tetapi dalam "Memperingati Penukaran Nama Bandar Brunei Menjadi Bandar Seri Begawan, penerbit Jawatankuasa Penukaran Nama Bandar Brunei Kepada Bandar Seri Begawan(JKPN) melalui Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, t., t., hal. 2 mencatatkan pada 23 Syawal 1332. Pengulin(bidan) baginda ialah Dayang Kandis.

2. Mereka ialah Pengiran Muda Besar, Pengiran Muda Tengah, Pengiran Anak Puteri Besar, Sultan Ahmad Tajuddin Akhazul Khairi Waddin, Pengiran Anak Puteri Tengah, Pengiran Anak Puteri Damit, Baginda, Pengiran Muda Anum, Pengiran Muda Laila Gambar dan Pengiran Muda Bongsu. Dipetik dalam Mohd. Jamil al-Sufri, op. cit., hal. 9.

dididik oleh orang tua-tua dalam hal ehwal keagamaan.³ Sejak baginda berusia 10 tahun, baginda telah mula mengaji Quran kepada beberapa orang guru yang dikhaskan untuk baginda sehingga berjaya mengkhatamkan pengajian Quran sebanyak 40 kali khatam.⁴

Dalam masa pendidikan awal baginda telah belajar di sekolah khas bersama dengan putera-putera dan puteri-puteri Diraja yang lain. Sebelum menuntut keluar negeri, baginda telah belajar bahasa Inggeris daripada Mr. H.E. Stanlley.⁵ Kemudian baginda menuntut di Kolej Melayu

3. Semasa kecil diasuh oleh Pengiran Besar Banun dan Kawang Sara. JKPN., op. cit., hal. 2.

4. Guru-guru baginda dalam pengajian al-Quran ialah Pengiran Babu Raja(nenek perempuan kepada Baginda, bonda kepada Raja Isteri Fatimah), Dayang Chuchu bte Haji Nasar, Pengiran Haji Abdul Rahim, Pengiran Pemancha Anak Haji Md. Yassin, Pehin Dato' Seri Maharaja Haji Mohiddin, Pehin Dato Imam Haji Mokti, Pehin Tuan Imam Haji Abdul Jalil, Pehin Khatib Abdullah, Pehin Khatib Ma'mum, Pehin Khatib Abdul Razak, Mudin Muhammad dan Pengiran Manggong,. ibid., hal. 2

5. Dalam buku Penyair Diraja, hal.12 menyebut Mr. H.F. Stalley.

Kuala Kangsar pada tahun 1932 sehingga tahun 1936, ketika berusia 17 tahun (sebenarnya baginda berusia 19 tahun).⁶

Pada hari Sabtu 6 September, 1941 bersamaan dengan 14 Saaban, 1360, baginda telah melangsungkan perkahwinan dengan Raja Isteri Pengiran Anak Damit ibni Almarhum Duli Yang teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman. Perkahwinan Diraja ini dilangsungkan dengan penuh adat istiadat. Ini termasuklah adat istiadat 'bertunggu tunang'. Hasil perkahwinan ini, baginda telah dianugerah Allah 10 orang putera dan puteri.

Pada 3 Muharam 1407 bersamaan 7 September 1986, baginda telah lindung di Istana Darussalam di Kampung


6. Baginda diiringi oleh Pengiran Haji Abd. Rahim bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Anak Abd. Kahar. Di kalangan kawan-kawan baginda semasa menuntut di sini ialah Syed Zain Al-Hadi(anak angkat kepada Dato Ahmad, Menteri Besar Pahang), Tengku Shahrum bin Tengku Yatim, Tengku Othman bin Tengku Mambang, Tengku Munawir ibnu Tengku Abdul Rahman, Tengku Jaafar ibnu Tengku Abd. Rahman, Shaukit bin Hashim, Tengku Mohsin, Hamzah Abu Samah, Abd. Ghani Abu Samah, Megat Shamsuddin dan Abdul Wahab bin Dato Setia. Dipetik dalam "Pameran Memperingati Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien (Pamflet-PMA), sempena sambutan Ulangtahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1987", Muzium, NBD., hal. 5.

Sumbiling pada jam 8.00 malam Isnin. Pada malam itu juga jenazah baginda telah dibawa ke Istana Nurul Iman.⁷ Pada 8 September 1986, jenazah baginda dimakam di Kubah Diraja, Bandar Seri Begawan.⁸

7. Muhammad Hadi Abdullah, "Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien: Raja Yang Berjiwa Rakyat", Berita, BSB., NBD: DBP., Januari-Mac, 1991, hal. 24.

8. Mohd. Jamil al-Sufri, op. cit., hal.21.

Gambar 1 : Lindung (Mangkat)⁹



Jenazah Almarhum diiringi dari Istana Nurul Iman
ke Kubah Makam Diraja Bandar Seri Begawan.

9. Catatan: Gambar-gambar di dalam bab ini adalah ihsan daripada Arkib Muzium, NBD. manakala penerangannya adalah sebahagiannya cabutan daripada buku Penyair Diraja.

3.1.2 Kegemaran atau Kegiatan Yang Diceburi

Semasa kecil, baginda gemar pelbagai permainan Brunei asli, di antaranya ialah permainan kuit, gasing, sepak raga, tatak garis dan pancak silat. Mengenai dengan pancak silat baginda mempelajari sejenis silat yang bernama 'Silat Pukulan Ince Kana' daripada Pengiran Damit Simpul bin Pengiran Mahmud. Di samping itu baginda juga suka memainkan 'senjata-senjata besi'.¹⁰

Semasa meningkat remaja dan dewasa, baginda gemar bermain catur, berburu, memandu *speed-boat* dan *racing hull*, bertukang kayu, bola sepak, *squash* dan *fives*, badminton, bola belidar, hoki, tarik kalat dan berenang. Baginda juga suka mengumpul pistol, keris dan tongkat. Kegemaran yang lain ialah melawat rumah rakan

10. Di antara kawan-kawan baginda semasa kecil ialah Awang Haji Omar(merbut Masjid Omar 'Ali Saifuddien) sebagai penjaga baginda, Pengiran Md. Yassin bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Pengiran Ahmad bin Pengiran Pemancha Anak Haji Mohd. Yassin(Pengiran Maharaja Anakda), Pengiran Kula (anak saudara kepada Pengiran Kuntat), Pengiran Mudin bin Pengiran Panji, Pengiran Wahid bin Pengiran Haji Rajid, Pengiran Omar 'Ali bin Pengiran Omar dan Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Piut. Dipetik dari JKPN., hal. 2 dan Mohd. Jamil al-Sufri, op. cit., hal.13.

dan rakyat di daerah-daerah pedalaman secara mengejut.¹¹

Dalam masa lapang, baginda suka bercucuk tanam. Kadang kala baginda pergi ke Pasir Muara untuk memukat dan menjala.¹²

Baginda juga giat menyertai pergerakan nasionalis Brunei. Baginda menjadi pemimpin Kesatuan Melayu Brunei (KMB) yang ditubuhkan pada tahun 1939. Pada dasarnya KMB bukanlah pertubuhan politik, sebaliknya ia merupakan kegiatan-kegiatan yang memperjuangkan pelajaran, sosial, ekonomi dan pertanian. Namun demikian, pada hakikatnya ia adalah satu gerakan awal politik Melayu Brunei. Matlamat politiknya terpaksa baginda sembunyikan untuk mengelakkan daripada diharamkan oleh pihak British. Perasaan nasionalis ini bertambah jelas lagi bila baginda menjadi penyokong kuat perjuangan

11. Rumah-rumah rakan yang selalu dilawati baginda pada masa kecil ialah rumah Pengiran Pemanca Anak Haji Mohd. Yassin dan rumah Pengiran Bendahara Anak Abdul Rahman. Lihat JKPN., op. cit., hal. 2 dan lihat juga Mohd. Jamil al-Sufri, op. cit., hal.13.

12. Orang-orang yang selalu menemani baginda ialah Pengiran Haji Abdul Rahim, Pengiran Manggung, Pengiran Haji Abdul Kadir dan Pengiran Haji Sulaiman dalam JKPN., op. cit., hal 2.

Barisan Pemuda (BARIP) di samping keganda baginda Sultan Ahmad Tajuddin (1924-1950).¹³

BARIP adalah satu-satunya gerakan awal nasionalis Brunei yang menentang dasar pemerintahan Tentera British dan pengaruh bangsa asing khususnya kaum Cina dalam pentadbiran Negeri Brunei. Semangat kesedaran ini nyata diperlihatkan dalam peristiwa percubaan pembakaran kedai-kedai Cina di Bandar Brunei yang diketuai oleh Yang Dipertua BARIP. Tindakan ini dilakukan kerana keangkuhan dan keberanian orang-orang Cina yang tidak menghormati hari perkabungan kemangkatan bonda Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Siti Fatimah yang lindung pada 7 Mac, 1947.¹⁴ Rancangan BARIP ini telah diperkenan oleh baginda yang ketika itu memegang jawatan Pengiran Bendahara.¹⁵

13. Muhammad Hadi Abdullah, op. cit., hal. 7 dan 8.

14. Mohd. Jamil al-Sufri, Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan NBD., BSB., NBD: Pusat Sejarah, 1992, hal.12.

15. Ibid., hal.12.

Gambar 2 : Tarik Kalat



Baginda menyertai perlawanan tarik kalat sempena
Hari Keputeraan Baginda di Daerah Tutong,
T. M. 1962

Gambar 3 : Ahli-Ahli Kesatuan Melayu Brunei



Ahli-ahli Kesatuan Melayu Brunei pada tahun 1939

3.1.3 Tugas dan Tanggungjawab

Sekembali sahaja baginda dari Kuala Kangsar pada tahun 1936, baginda mula bertugas di Pejabat Hutan sebagai Pegawai Kadet. Tugas sebagai seorang pegawai kadet bukan sahaja mencabar bagi baginda malah ia adalah satu pekerjaan yang tidak pernah dilakukan oleh Sultan-Sultan sebelum baginda, sebagaimana titah baginda:-

"In my work I had to use a parang and a changkol and hack my way through the jungle. I had to put signs number tree and pull the chain used to get the correct spacing when planting trees.¹⁶

Setelah hampir setahun baginda di Jabatan ini, baginda telah ditukar ke Jabatan Mahkamah Kuala Belait sehingga tahun 1938. Semasa berkhidmat di sinilah, baginda telah belajar tentang Undang-Undang Jenayah dan Awam daripada Penolong British Resident Belait iaitu Mr. H. Hughes-Hallett atas arahan Mr. R.E Turnball, British

16. The Borneo Bulletin, NBD: The Brunei Press Sdn. Bhd., 13 September 1986, hal. 11.

*Resident.*¹⁷ Tetapi semasa pemerintahan Jepun baginda bertugas di bawah pimpinan Ince Ibrahim bin Muhammad Jaafar. Dari beliaulah baginda mendapat didikan mempelajari dan mengulangkaji undang-undang Jenayah dan Awam tersebut. Jika ada sesuatu kes yang dikendalikan oleh Awang Ibrahim bin Andor iaitu Pegawai Daerah Brunei dan Muara pada masa itu, baginda sering berangkat dan menghadirinya. Sebagai tambahan dari latihan, baginda juga telah dihantar ke Pejabat Tanah untuk mempelajari selok-belok pentadbiran tanah.¹⁸

Baginda ditabalkan menjadi DYTM Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara pada 15 Julai, 1947 oleh kekanda baginda Sultan Ahmad Tajuddin. Setelah itu baginda dilantik menjadi Pengurus Mahkamah Syariah dan Ahli Majlis Masyuarat Negeri. Selepas pertabalan tersebut, baginda telah mengemukakan cadangan kepada *British Resident*, Mr. R. H. N. Davies untuk mengadakan lawatan ke daerah-daerah pedalaman bagi

17. Pamflet PMA., op. cit., hal. 5.

18. Ibid., hal. 6.

memerhati situasi penduduk-penduduk di daerah tersebut. Baginda telah mempersembahkan laporan lawatan tersebut kepada kekanda baginda Sultan Ahmad Tajuddin dan juga dihadapkan kepada *British Resident* semata-mata untuk tindakan selanjutnya¹⁹.

Kemudian, dengan kemangkatan kekanda baginda iaitu DYMM Sultan Ahmad Tajuddin Akhazul Khairi Waddien pada 4 Jun, 1950 baginda pun dimasyhurkan menjadi Sultan Negara Brunei Darussalam yang ke 28 pada 6 Jun, 1950. Istiadat Perpuspaan baginda dilangsungkan pada 31 Mei, 1951 jam 9.45 pagi hari Khamis, bersamaan dengan 23 syaaban, 1370. Istiadat Perpuspaan itu telah dilangsungkan dengan penuh adat istiadat kebesaran Diraja Brunei yang gilang gemilang.²⁰ Bersempena dengan Istiadat Berpuspa tersebut baginda telah menerima Bintang Kebesaran '*Honorary Companion Of Most Distinguished Order Of Saint Michael and Saint George*' (C.M.G) daripada Her

19. Muhammad Hadi Abdullah, op. cit., hal. 7.

20. Di antara orang-orang kenamaan yang hadir termasuklah Pesuruhjaya Agong bagi Tenggara Asia, Awang Malcolm MacDonald, Pesuruhjaya Tinggi bagi negeri Brunei, Sir Anthony Abell dan Gabnor British Borneo Utara, Sir Ralph Hone, dalam PMA., hal. 6.

Majesty Queen Elizabeth II. Sekali lagi pada tahun 1953, baginda telah menerima Bintang Kebesaran *Knight Commander Of The Most Distinguished Order Of Saint Michael And Saint George (K.C.M.G)* yang membawa kepada gelaran 'Sir' daripada Her Majesty Queen Elizabeth II.²¹

Satu peristiwa penting dalam persejarahan Negeri Brunei ialah lahirnya PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI, 1959 Dan PERJANJIAN BRUNEI, 1959. Nama Baginda dan PERLEMBAGAAN NEGERI BRUNEI, 1959 itu tidak dapat dipisahkan kerana cita-cita dan inisiatif untuk melahirkan satu sistem pemerintahan Negeri Brunei yang mempunyai Perlembagaan bertulis adalah terbit dari hasrat baginda sendiri. Sebenarnya rancangan penubuhan Perlembagaan sudah ada sejak awal tahun 1953 lagi. Perkara rancangan dan penubuhan ini semuanya terakam dalam karya baginda iaitu Syair Perlembagaan Negeri Brunei. Sehubungan dengan itu, sebelum perjanjian termetri, berkali-kali baginda menegaskan kepada penduduk negeri Brunei bahawa Negeri Brunei bukan sebuah negeri jajahan tetapi setakat bernaung

21. Ibid., hal. 7.

di bawah panji-panji British sebagaimana titah baginda ketika membuat lawatan ke Daerah Tutong dan Temburung pada tahun 1958:-

"Negeri Brunei bukan negeri jajahan British. Negeri ini adalah negeri kamu sendiri dan saya jadi Sultan yang bertanggungjawab di atas dasar dan muslihat negeri serta menjaga dan memelihara kesentosaan kamu..."²²

Dalam tugas dan tanggungjawab seterusnya, baginda merupakan seorang Sultan yang tegas dan berpendirian teguh. Ini terbukti ketika baginda menolak cadangan penggabungan Sabah, Sarawak dan Brunei yang dikemukakan oleh British dalam tahun 1958 ataupun Gagasan Malaysia 1961 kerana baginda khuatir kedaulatan dan hak asasi bumiputera akan terjejas. Pendapat baginda, hal ini bukan saja akan menggugat kedudukan Sultan yang berkuasa mutlak bahkan rakyat Brunei sendiri akan kehilangan hak keistimewaan mereka sebagai bumiputera. Baginda juga beranggapan bahawa pencapaian kemerdekaan secara bergabung

22. Pelita Brunei, BSB., NBD: Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei, NBD., 1 Februari, 1958, hal.6.

bukanlah satu perjuangan yang tulen dan sejati.²³ Hakikat inilah yang membawa kepada pencapaian kemerdekaan Brunei pada 1 Januari 1984.

Sikap bertanggungjawab baginda juga terserlah dengan sifat pengasih, penyayang dan bertimbang rasa dengan memberikan kurnia sara hidup yang berpatutan terhadap ahli-ahli keluarga orang-orang tahanan yang telah terlibat dalam penderhakaan Parti Rakyat Brunei pada 8 Disember, 1962. Pertimbangan ini dibuat adalah berdasarkan perasaan kemanusiaan baginda yang sangat mendalam terhadap ahli-ahli keluarga pemberontak yang telah terkeliru disebabkan pengaruh dan kekalutan diri sendiri.

Pada 4 Oktober 1967, Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien dengan kerelaan baginda sendiri telah turun takhta tetapi sebaliknya baginda memberi tanggungjawab mengendalikan negara Brunei Darussalam dengan menabalkan perlantikan kepada Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal

23. Muhammad Hadi Abdullah, op. cit., hal. 16.

Bolkiah menjadi Sultan Brunei ke 29, sebagaimana titah baginda:-

"Waraktaul ikhlas watahfatulejn yang terbit daripada laila hati hening lagi jernih yang tidak menaruh syak dan waham daripada beta Sir Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei memaklumkan kepada seluruh rakyat dan penduduk Negeri Brunei bahawasanya beta dengan sukacita mengatakan dari laila hati beta pada mengisyiharkan kepada kerajaan dan seluruh penduduk Negeri Brunei bahawa dengan kesukaan beta sendiri turun dari takhta singgahsana kerajaan pada hari Rabu 1 Rejab 1387 Hijrah, 4 Oktober 1967 adalah tetap dan muktamad dan sekali-kali tidak boleh ditarik balik."²⁴

Bermula dari tahun tersebut hingga ke akhir hayat, baginda yang termasyhur dengan nama Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien menjalankan tugas sebagai penasihat kepada anakanda baginda iaitu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Wadaullah, Sultan

24. Pelita Brunei, 11 Oktober, 1967, hal. 5.

dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-29.

Waktu ini baginda digelar Seri Begawan Sultan.

Satu detik yang bersejarah lagi yang tak dapat dilupakan oleh seluruh rakyat NBD., ialah peranan rasa tanggungjawab baginda sebagai seorang ayah semasa istiadat perpuspaan anakanda baginda DYMM Paduka Seri Sultan Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah dan Yang Di Pertuan Negeri Brunei pada 1 Ogos, 1968. Kegemilangan sepanjang Istiadat Perpuspaan tersebut, dari saat menandakan secara rasmi bermulanya kerja perpuspaan iaitu menaikkan bendera kuning di Bukit Panggal dan bendera merah di Bukit Sungai Kebun pada 1 Februari 1968 sehingga ke saat kemuncak perpuspaan iaitu perletakan mahkota ke atas kepala DYMM Paduka Seri Sultan, adalah sungguh mengagumkan dan penuh dengan adat istiadat yang diwarisi turun temurun oleh Keluarga Diraja Brunei.²⁵

Pada tahun 1984 sempena kemerdekaan Negara Brunei Darussalam baginda telah dilantik menjadi Menteri

25. JKPN., op. cit., hal. 9.

Pertahanan Negara Brunei Darussalam dan dikenali sebagai Kebawah Duli (Yang Maha Mulia) Maulana Paduka Seri Baginda Sultan Jeneral Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien. Pada saat menyambut kemerdekaan Negara Brunei Darussalam baginda telah mengetuai lafaz ikrar dengan takbir 'Allah Akhbar' sebanyak tiga kali dengan disambut oleh rakyat dan penduduk NBD yang hadir ketika itu. Baginda melafazkan ikrar bahawa kemerdekaan Brunei adalah hasil perjuangan secara evolusi yang jujur, bersih dan ikhlas serta penuh diplomasi yang direndai Allah Subhanahu Wata'ala.

Gambar 4 : Pengurniaan Gelaran



Muda Omar 'Ali Saifuddien ketika menerima pengurniaan gelaran 'Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara' yang berlangsung di Pejabat Besar Kerajaan, Bandar Brunei pada 18 Julai 1947.

Gambar 5 : Pengisytiharan Pertabalan



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Pengiran Pemancha Sahibul Rae' Wal-Mashuarah Pengiran Anak Haji Mohd. Yasin bin Pengiran Tua Omar 'Ali membacakan warkkah pengisytiharan pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien menjadi Sultan Brunei ke-28 di Lapau, Bandar Brunei pada 6 Jun 1950.

Gambar 6 : Persandingan Selepas Perpuspaan




Gambar 7 : Menanda Tangani Perlembagaan Bertulis



Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien bersama-sama Tuan Yang Terutama Sir Robert Scott, *British Commissioner General* bagi Asia Tenggara yang mewakili Kerajaan British ketika menanda-tangani Perjanjian naskhah rasmi Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei di Lapau pada 29 September 1959

Gambar 8 : Memakaikan 'Mahkota'



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien sedang memakaikan 'mahkota' kepada anakanda baginda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Istiadat Perpuspaan pada 1 Ogos 1968 di Lapau, Bandar Seri Begawan

Gambar 10 : Memasyhurkan Kemerdekaan



Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien memimpin tiga kali seruan 'Allah Akbar' selepas sempurna Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan melapazkan titah memasyhurkan kemerdekaan Brunei pada 1 Januari 1984

3.1.4 Tokoh Agama

Di samping keaktifan baginda dalam bidang sosial dan politik, baginda juga terkenal sebagai seorang Sultan dan pemimpin agama yang ulung dalam meneqak dan mengembangkan syiar Islam. Ini terbukti dengan dukungan baginda menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara sebagaimana yang telah termaktub dalam perlembagaan bertulis 1959. Baginda telah menempatkan kedudukan agama Islam di tahap yang paling penting di dalam pentadbiran negara. Dengan cara ini baginda berhasrat dapat memperkembangkan syiar Agama Islam dengan seluas-luasnya di NBD dan membolehkan agama Islam dan lunas-lunas Islam dapat dihayati di dalam pentadbiran dan pembangunan negara. Di antara lain baginda pernah bertitah di dalam Majlis Perasmian Pembukaan Majlis Syariah, berbunyi:-

"Majlis syariah ini bertujuan ialah mengembangkan dasar-dasar dan ajaran-ajaran Islam bagi memajukan dan mempertahankan kedaulatan Agama Islam yang suci ini. Dengan maksud-maksud yang tersemat di sanubari kita semua,

Insya-Allah, agama Islam akan bertambah-tambah maju, luas dan lebar"²⁶

Sejajar dengan hasrat baginda untuk mengembangkan syiar Islam di negara ini, baginda telah mengadakan pengajian agama di sekolah-sekolah, mendirikan masjid-masjid, surau-surau dan tempat-tempat beribadat di seluruh pelusuk NBD. Baginda telah menghantar para penuntut yang berkelayakan untuk melanjutkan pelajaran ke Pusat-Pusat Pengajian Islam yang termasyhur di luar negara.²⁷ Pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan yang beragama Islam yang telah berkhidmat melebihi 15 tahun diberi menunaikan haji dengan tambang percuma²⁸.

26. Petikan dalam "Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien Dalam Kenangan" (ASHOA), terbitan Jabatan Penyiarian dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri, NBD, tanpa tarikh. Makalah tersebut adalah petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam, Di Istana Nurul Iman pada malam 20 Oktober, 1986, hal. 2 . Titah ini disiarkan secara langsung melalui radio dan televisyen NBD.

27. ASHOA, hal. 4.

28. Muhammad Hadi Abdullah, op. cit., hal. 10.

Ketokohan baginda dalam bidang agama ini terserlah adalah hasil dari kerajinan dan kegiatan baginda mempelajari aspek-aspek keagamaan.²⁹ Di samping kuat berzikir, baginda juga banyak menuntut ilmu kebatinan atau ilmu jaga diri daripada orang-orang yang terkenal.³⁰ Baginda suka berzikir bersama-sama Pehin-Pehin Manteri Agama untuk melahirkan lagu zikir yang sudah dipelajari dan mempelajari lagu yang belum diketahui. Kemahiran baginda dalam berzikir Brunei memang sudah ternyata, sehingga mendengar sesuatu lagu yang dilakukan oleh orang lain, dapat baginda ketahui yang mana lagu asli dan yang mana pula lagu yang dibuat-buat.³¹

29. Baginda pernah mempelajari selok belok keagamaan daripada Pehin Datu Imam Haji Mokti, Pengiran Anak Haji Ahmad bin Pengiran Anak Md. Ali, Imam Md. Yusof bin Md. Salleh, Pengiran Shahbandar Pengiran Anak Hashim, Pehin Begawan Udana Khatib Haji Awang Umar dan Pehin Datu Imam Abu Bakar. Kemudian selepas perang, baginda berguru lagi kepada Pehin Datu Imam Abu Bakar, Pehin Begawan Udana Khatib Haji Awang Umar dan Pehin Datu Seri Maharaja Dato Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz. Mengenai dengan guru yang terkemudian ini, baginda menjelaskan: "sungguh pun sekejap saja tetapi adalah guru." Dipetik daripada JKPN., hal. 4.

30. Muhammad Hadi Abdullah, op. cit., hal. 13.

31. Mohd. Jamil al-Sufri, Penyair Diraja, hal. 14.

Semasa baginda menjawat jawatan Bendahara yang bergelar DYTM Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara, baginda mendalami ilmu *Fara' id* daripada Khatib Haji Sa'at bin Juru Apong. Baginda juga telah menunaikan rukun haji sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1951 dan 1962.³²

3.1.5 Arkitek Brunei Moden

Di sepanjang pemerintahan baginda selama 17 tahun (1950-1967), Brunei tergolong ke dalam negeri-negeri moden di abad yang ke-20 ini. Usaha utama yang baqinda ambil setelah menaiki takhta ialah memperbaiki dan mempertingkatkan taraf kehidupan rakyat khususnya dalam bidang sosial dan ekonomi. Dalam Rancangan Kemajuan Negara Pertama beberapa projek pembangunan telah dijalankan, di antaranya pembinaan sekolah-sekolah agama dan sekolah Melayu, masjid dan surau, bangunan pejabat-pejabat kerajaan, rumah sakit dan klinik, jalan raya,

32. JKPN., hal.4.

perkhidmatan percuma dalam bidang perubatan dan pelajaran. Ekonomi dan pelaburan juga dipertingkatkan kemajuannya³³.

Di bidang pelajaran dan pendidikan serta ilmu pengetahuan, baginda amat peka dan mengambil berat. Justeru itu, dalam tahun 1950an sekolah-sekolah didirikan bukan sahaja dalam aliran Melayu bahkan juga aliran Inggeris, iaitu dengan terbinanya Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien. Di samping perkembangan pelajaran dalam negeri, baginda juga telah menggalakkan penghantaran anak-anak tempatan keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi seperti ke Malaysia, Singapura dan United Kingdom³⁴.

Memandangkan masalah kekurangan tenaga pendidik tempatan, baginda telah mengambil guru dari Persekutuan Tanah Melayu terutama sekitar tahun 1950-an khususnya selepas pengisytiharan Perlembagaan Negeri Brunei pada tahun 1959. Usaha untuk menambah golongan intelektual

33. Muhammad Hadi Abdullah, op. cit., hal. 9.

34. Ibid., hal. 9.

tempatan diteruskan dengan penghantaran calon-calon guru ke Persekutuan Tanah Melayu iaitu di SITC, Tanjung Malim dan Maktab Perguruan Kota Baharu.

Di samping kemakmuran rakyat diperolehi dari projek-projek kerajaan, keutamaan juga diberikan pada aspek keselamatan dan pertahanan negara. Pentingnya strategi keselamatan demi menuju kemajuan dan kesejahteraan rakyat pernah dititahkan oleh baginda semasa upacara Perletakan Batu Asas Bangunan Dewan Bahasa dan Pustaka dan Bangunan Jabatan Penyiaran dan Penerangan, dalam tahun 1965, di antara lain berbunyi:-

"...bahawa berapa suci pun cita-cita kita, berapa besar pun rancangan kita, berapa tinggi pun cadangan kita, perkara itu tidak akan dapat dicapai faedahnya dengan ketiadaan keamanan, ketenteraman dan keselamatan kita kawal bersama dengan hati yang jujur, tulus ikhlas semata-mata untuk kebajikan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wataala."³⁵

35. Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam ASHOA., hal. 5.

Sebenarnya, keselamatan negara ini telah wujud pada tahun 1960 lagi. Baginda telah mengasaskan penubuhan Askar Melayu Brunei, yang kemudian dinamakan Askar Melayu Diraja Brunei dan sekarang dikenali sebagai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei³⁶.

Sebagai seorang Sultan yang senantiasa mengambil berat ke atas kebijakan rakyatnya, baginda telah memberi berbagai-bagai kemudahan yang berkebijakan seperti memberi elaun bulanan kepada orang-orang tua yang dikenali sebagai 'pencen tua', elaun kepada para pesakit T.B., orang-orang cacat, pesakit jiwa, balu-balu dan anak-anak yatim³⁷.

Demi kemakmuran, perhatian yang sama berat juga diberikan oleh baginda terhadap kemajuan luar bandar dan pedalaman. Banyak projek pembangunan telah dilancarkan oleh kerajaan baginda seperti membina jalan kecil dan membekalkan elektrik dan air ke kampung-kampung di luar bandar dan pedalaman.

36. ASHOA, hal. 5.

37. Ibid., hal. 5.

Sikap bertanggungjawab dan pemedulian baginda terhadap rakyat telah diakui sendiri oleh anakanda baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Wadullah :-

"...sejak awal-awal lagi Almarhum menaiki takhta kerajaan, baginda telah banyak menabur jasa bakti dan menumpukan sepenuh masa dan tenaga baginda pada mengasaskan *infrastructure* pentadbiran, pembangunan, kebajikan, keselamatan dan kemakmuran negara, dan baginda juga telah berjaya mengenalkan Negara Brunei Darussalam kepada dunia luar. Adalah wajar dan kena pada tempatnya baginda telah diakui sebagai "Akitek Brunei Moden".³⁸

.1.6 Tokoh Sasterawan atau Penyair Diraja

Baginda memiliki bakat semulajadi sebagai seorang sasterawan. Sifat ini dapat diketahui melalui egemaran baginda sejak kecil lagi yang ingin kepada cerita-cerita lisan (yang dituturkan) oleh para inang

1. Titah Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Muizzaddin Waddaulah, Sultan Dan Yang Di Pertuan NBD, Almarhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien lam Kenangan" melalui Radio dan Televisyen NBD 20 Oct., 1986. Tah ini telah dijadikan makalah cetak dan diterbitkan oleh Jabatan Nyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri NBD., t., t., hal.

pengasuh dan orang yang seindan-indan dengan baginda.³⁹ Mengenai isi kandungan cerita lisan itu, bukan sahaja didengar malah dipisi (diteliti) satu persatu untuk mengetahui dan memahamkan isi kandungannya.

Kegemaran mendengar tuturan-tuturan tersebut, telah menjadi asas pertumbuhan minat baginda terhadap sastera. Di antara tuturan yang sangat menarik perhatian baginda ialah kisah pahlawan yang gagah perkasa pada zaman dahulu dan juga tuturan mengenai temasya dalam sesuatu istiadat misalnya istiadat berpuspa, istiadat perkahwinan dan istiadat dalam sesuatu majlis. Kadang-kadang apabila jurututur itu kehabisan idea atau cerita, cerita yang pernah dituturkan pun dapat diterima baginda, tetapi jika didapati tuturan itu berlainan daripada tuturan yang terdahulu, perkara itu akan ditegur oleh baginda dan ditanyakan kenapa cerita itu jadi demikian. Begitu juga kalau sesuatu cerita yang dituturkan itu dituturkan pula oleh orang lain, jika ada perkara yang berlainan, perbezaan itu akan ditanyakan

39. Mohd. Jamil al-Sufri, Penyair Diraja, hal.9.

juga. Disebabkan sifat baginda yang ingin tahu ini, maka orang-orang yang mengasuh dan mengiringkan baginda sedaya upaya berusaha untuk menyediakan jawapan-jawapan yang sesuai dengan sesuatu pertanyaan yang akan disabdkakan oleh baginda.⁴⁰

Kesempatan yang ada juga digunakan sebaiknya oleh baginda untuk mengasuh bakat dalam arena penulisan karya sastera. Misalnya dalam musim istiadat berjaga-jaga yang diadakan tiap-tiap malam semasa 'bertunggu tunang', baginda mendengar berjenis-jenis syair yang ditambang orang. Di antaranya ialah Syair Rakis, Syair Yang Di Pertuan, Syair Awang Semaun dan beberapa jenis Syair Rajang. Setiap seni kata yang terkandung di dalam syair-syair tersebut, diikuti oleh baginda dengan teliti dan penuh minat.⁴¹

Sikap begini disertai dengan semangat cintakan bangsa dan tanah air yang mendalam mendorong dan

40. Ibid., hal.10.

41. Ibid., hal. 15.

mempengaruhi baginda menghasilkan syair. Sehingga dalam masa sibuk menangani pentadbiran dan urusan negara, terlasut(berkesempatan) juga baginda menghasilkan buah pena semata-mata ingin meluahkan curahan perasaan dan hati yang terbuku yang diperolehi dari pengalaman dan perspektif baginda sendiri. Dengan kata lain "semakin banyak kemudahan dan kesenangan yang dinikmati, semakin kuat ingatan baginda hendak menulis peristiwa pahit maung yang telah dilalui oleh baginda."⁴²

Hasil karya baginda sama ada yang sudah diterbitkan maupun yang belum berjumlah 14 buah (termasuk 3 di antaranya di dalam Rampaian Laila Syair).⁴³ Walaupun sastera yang dipilih baginda dalam bentuk syair yang berupa bentuk tradisional dalam kesusasteraan Melayu (kadang-kadang diselitkan juga pantun) akan tetapi ditangan baginda bentuk ini sudah diberi nafas baru yang penuh dengan pemikiran-pemikiran untuk renungan khalayak. Kalau dalam bentuk aslinya syair yang bercorak cerita itu

42. Ibid., hal. 20.

43. Tentang judul syair-syair dan keterangannya diberi dalam 3.2.

mempunyai fabula dan cerita panjang yang mengesahkan perihal putera-puteri dan dewa dewi, tetapi dalam syair-syair baginda tidak mempunyai cerita pusat sebaliknya rangkaian pemikiran yang penuh dengan gagasan, pandangan, falsafah-falsafah yang menarik dan yang merangkumi masalah-masalah sezaman sambil menggayakannya dalam bentuk nasihat, lambang-lambang (simbol) dan tamsil ibarat.⁴⁴

Justeru itu, DYTM Paduka Seri Begawan Sultan, Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien ialah seorang seniman Diraja atau dengan kata-kata lain satu-satunya sasterawan Diraja Brunei. Baginda adalah orang pertama di kalangan kerabat Diraja Brunei yang begitu giat di bidang penulisan. Meskipun sebelumnya telah wujud seorang Penyair Diraja iaitu Pengiran Indera Mahkota yang terkenal dengan Syair Rakis tetapi dari segi kuantiti tidak dapat menandingi hasil karya baginda sendiri.

44. Aspek-aspek tersebut diuraikan dalam pembicaraan isi kandungan syair-syair baginda (lihat 3.2).

Teuku Iskandar⁴⁵ berpendapat, bahawa baginda bukan sahaja sebagai pengarang Negara Brunei Darussalam tetapi salah seorang daripada pengarang syair Melayu secara umum. Di antara pengarang-pengarang syair Melayu di kalangan penyair-penyair Diraja yang lain di Nusantara ialah seperti di Palembang terdiri daripada Pengerahan Penambahan Bupati yang mengarang Syair Bunga Mawar dan Syair Raja Mambang Johari. Sultan Badaruddin menghasilkan Syair Burung Nuri dan Syair Sinyor Kosta.

Sementara di Riau ditemui Raja Ahmad Tabib yang mengarang Syair Raksi, Raja Ahmad Engku Tua mengarang Kisah Engku Puteri dan Syair Perang Johor(?) Yam Tuan Muda Raja 'Ali pula mengarang Syair Nasihat dan Raja 'Ali Haji dengan Syair Hukum Nikah dan lain-lain.

45. Semasa memberi kuliah Sastera Melayu Klasik Brunei, tahun 11, UBD., NBD, sesi 1989-1991.

3.2 Hasil-hasil Karya Muda Omar 'Ali Saifuddien

Di sepanjang hayat, baginda telah berjaya menghasilkan sebanyak 14 buah syair termasuk tiga buah dalam Rampaian Laila Syair. Syair-syair ini sebahagiannya sudah diterbitkan. Syair-syair tersebut sebahagiannya juga ada yang telah dijumpai oleh pengkaji.

Syair-syair tersebut ialah:-

Syair-syair yang diketemukan:⁴⁶

1. Syair Nasihat.
2. Syair Rajang Jenaka.
3. Syair Perlembagaan Negeri Brunei.
4. Rampaian Laila Syair yang memuatkan:
 - 4.1. Syair Laila Hasrat,
 - 4.2. Syair Laila Cinta,
 - 4.3. Syair Laila Jenaka.

46. Dicatatkan dalam Mohd. Jamil al-Sufri, Penyair Diraja, tidak ada nombor halaman.

7. Syair Rajang Hari.

8. Syair Kenangan.

Syair-syair yang belum dijumpai:-⁴⁷

9. Syair Perkakas Pekarangan.

10. Syair Kemerdekaan.

Syair-syair yang belum dicetak (manuskrip tulisan tangan):-⁴⁸

11. Syair Kerakyatan.

12. Syair Rajang Perkarangan.

13. Syair Jubli Sultan Ahmad Tajuddin.

14. Syair Lawatan Diraja.

47. Syair-syair ini tercatat dalam ibid., hal. 53.

48. Hasil temu bual pengkaji dengan Haji Muhammad Abdul Latif semasa menyiapkan Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, UBD., NBD., Sesi 1989-91.

3.2.1 Syair Nasihat*

Syair ini dalam bentuk cetakan bertulisan jawi.

Ia dicetak dan diterbitkan oleh Kee Ming Press
 Kuala Lumpur, tanpa tarikh, berbentuk buku berkulit tebal keras dan berwarna merah. Panjang dan lebarnya ialah 22 1/2 x 15 sintemeter. Syair ini mengandungi 34 halaman, 367 rangkap dan 1470 baris (termasuk 1 rangkap mengandungi 6 baris di halaman 28). Cara penulisan syair ini tanpa rangkap, sebaliknya ditulis baris demi baris dengan ruang kosong di tengah-tengah. Di setiap baris pula tanpa dibubuh tanda baca (koma dan noktah). Contohnya:-

(lihat lampiran 13)

.....
.....
.....
.....

49. Syair Nasihat ini dipinjamkan kepada pengkaji oleh Pengiran Dato' Paduka Haji Hidup bin Pg. Hj. Hashim. Menurut Pengiran Dato, buku ini dihadiahkan sendiri oleh Sultan Muda Omar 'Ali Saifuddien kepada beliau dengan bertandatangan baginda dan bertarikh pada 24 Nov. 1960.

.....
.....

Pada tiap-tiap halaman pula dihiasi dengan ilustrasi yang berbentuk bunga. Syair Nasihat ini mengandungi mukaddimah dan penutup. Mukaddimahnya bermula:-

Ahuta sermata mula disurat,
seribu hana jadi hikayat,
sicakap perkasa jadi riwayat,
mudahan menjadi tamsil ibarat.

(Sy. Nasihat, hal. 1)

Penutupnya pula berbunyi:-

Dagang berdoa kepada Allah,
memohon rahmat nikmat dilimpah,
kepada semua muda yang petah,
membuat kerja yang berfaedah.

(Sy. Nasihat, hal. 34)

Di akhir halaman diberi erti perkataan daripada dialek Melayu Brunei ke dalam bahasa Melayu standard.

Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka telah mengusahakan trasliterasinya ke edisi rumi dan diterbitkan pada tahun 1994.⁵⁰

Tentang tarikh dan masa siap penulisan SN ini ada dinyatakan dalam halaman 31 dan 32 iaitu:-

Tamatlah syair tamat gurindam,
tamatlah itu ketika malam,
seribu tiga ratus bilangan alam,
tujuh puluh sembilan terlepas kalam.

(Sy.Nasihat, hal. 31)

Tamatlah madah di malam khamis,
pukul dua belas waktu wireles,
bulan terang tiada beralis,
kalam berhenti madah menulis.

(Sy.Nasihat, hal.32)

Oleh hal yang demikian, tahun Hijrah 1379 yang dimaksudkan itu adalah bersamaan dengan tahun Masihi

50. Terbitannya semasa proses akhir kajian pengkaji.

1958/1959. Ini bermakna, SN adalah syair yang pertama dihasilkan oleh baginda.⁵¹.

Di antara isi kandungan SN ini ialah memberi nasihat dan menyeru manusia Brunei amnya dan kepada bakal-bakal pemimpin dan pentadbir negara Brunei khususnya ke jalan yang baik demi kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Cara yang baik adalah berpandukan ajaran al-Quran dan Hadith. Justeru itu, setiap perbuatan apalagi anggota yang dianugerahkan oleh Allah seperti akal, mata, mulut, telinga, hidung, tangan dan kaki hendaklah digunakan dengan sebaik-baiknya. Misalnya catatan dalam rangkap syair berikut:-

Jangan dipilih kepada siapa,
mengeluarkan madah hendaklah jaga,
perkataan halus mesti dipuja,
nama yang baik akan tersanja.

(Sy. Nasihat, hal. 4)

51. Tetapi Harun Mat Piah mengatakan Syair Perlembagaan Negeri Brunei adalah karya baginda yang pertama, terkarang sekitar 1960. Ini dinyatakan beliau ketika membentangkan kertas kerja berjudul "Jiwa Raja dan Rakyat Dalam Puisi-puisi Brunei Darussalam", Seminar Antara Bangsa, Kesusasteraan Melayu 111, UKM., Bangi Selangor, 5-8 September, 1993, hal. 5.

Rangkap syair di atas, bermaksud selain daripada menggunakan mulut untuk makan dan mengeluarkan suara (bercakap dsb.) tetapi setiap perkataan yang dikeluarkan mestilah juga dijaga dan difikirkan. Selain daripada itu, tegur sapa juga jangan memandang taraf atau status seseorang. Dengan erti kata yang lain jangan pilih seseorang itu sama ada kaya atau miskin, berpangkat tinggi atau rendah. Soalnya, manusia adalah sama di sisi Tuhan.

Selain daripada itu disentuh juga mengenai tiga perkara yang perlu dihayati oleh masyarakat iaitu rukun iman, rukun Islam dan ihsan. Lihat dalam contoh rangkap-rangkap syair berikut:-

Rukun iman enam perkara,
gunanya besar tidak terkira,
hendaklah tuntut dengannya segera,
supaya terlepas daripada mara.

(Sy.Nasihat, hal. 8)

Rukun Islam lima perkara,
ilmu hulubalang yang perwira,
tiada takut mengadang mara,
dengan izin Allah terpelihara.

(Sy.Nasihat, hal.14)

Ihsan bermakna ialah ibadat,
akan Tuhan Allah Ahad,
buatlah ibadat dengannya giat,
bahawa Tuhan amat melihat.

(Sy.Nasihat, hal. 21)

Oleh hal yang demikian, dengan berdasarkan isi kandungan Syair Nasihat maka dapatlah disimpulkan bahawa tema SN ini berbunyi "Kejayaan dan kebahagiaan sesuatu bangsa dan negara itu tidak akan terserlah kecuali kepemimpinan menurut aturan dan hukum-hukum Allah." Rangkap-rangkap syair di bawah ini mengukuhkan lagi pendapat di atas:-

Untuk kebijakan nusa dan bangsa,
menjalankan hukum Tuhan yang asa,
mentadbirkan rakyat sangat perkasa,
sekalian rakyat aman sentosa.

(Sy.Nasihat, hal. 19)

Bendera Islam pakaian negerinya,
ketua negara benar tiangnya,
rakyat sekalian jadi pasaknya,
baharulah baik peraturannya.

(Sy. Nasihat, hal. 25)

3.2.2 Syair Rajang Jenaka (SRJ)⁵²

Teks SRJ ini dalam cetakan jawi. Ia dicetak dan diterbitkan oleh Kee Ming Press, Kuala Lumpur tetapi tidak ada cacatan tarikh. Berdasar pada salinan (xerox) teks syair, panjang dan lebar buku adalah sama dengan Syair Nasihat iaitu 22 1/2 x 15 sentimeter. SRJ mengandungi 18 halaman, 197 rangkap dan 788 baris. Teks syair ini juga dihiasi dengan ilustrasi yang berbentuk bunga pada tiap-tiap halaman. Cara penulisannya tanpa rangkap tetapi ditulis baris demi baris. Di tengah-tengah diberi ruang kosong sebagai jarak antara teks di sebelah kanan dan teks di sebelah kiri. Setiap barisnya pula tiada menggunakan tanda baca seperti koma dan noktah. Contohnya (lihat balik lampiran 13)

.....
.....
.....
.....

52. Teks syair ini dalam bentuk salinan(xerox) ihsan daripada Pusat Sejarah, BSB., NBD.

.....
.....

Di samping itu, SRJ juga mengandungi mukadimah
dan kata penutup. Mukadimahnya berbunyi:-

Ahuta bis mata mula ditulis,
Seri buhana membawa majlis,
sicakap perkasa menyusun baris,
mudahan jangan titik dan tiris.

(Sy. Rajang Jenaka, hal. 1)

Penutupnya pula diakhiri dengan kata 'tamat' di samping
rangkap penyudah berbunyi begini:-

Carik itu maknanya koyak,
walaupun bukan emas dan perak,
jika terhapus susunan sajak,
maksud tujuannya harus tak nampak.

(Sy. Rajang Jenaka, hal. 18)

Di halaman terakhir mengandungi glosari dialek
Melayu Brunei yang diberi erti dalam bahasa Melayu
standard.

Sejauh ini, belum ada translitrasi dan kajian Latihan Ilmiah mengenainya.

Di antara isi kandungan SRJ ini ialah tentang pemikiran-pemikiran pengarang terhadap cara hidup yang baik yang mesti ada pada seseorang manusia Brunei terutama kepada sesiapa yang bakal menerajui Negara Brunei Darussalam. Aspek - aspek tersebut disampaikan melalui penggunaan sebutan rajang binatang menurut kiraan hari dalam sebulan. Di bawah diturunkan pemakaian rajang-rajang tersebut:-

1hb. rajangnya kuda - menuntut ilmu

2hb. " badak - berusaha dan berikhtiar,
bersatu hati, berbudi
bahasa, teguhkan adat
sendiri (jangan sekali-kali
mencampurkan adat / cara
hidup Timur dengan Barat.

Pandangan baginda kepada

manusia dan budaya Barat
banyak menggunakan lambang
atau simbol seperti:-

Ulama injil matanya putih,
jika dipandang sebagai mengalih,
runding berusaha tiada letih,
pada dzahirnya mengain putih.

Ulama injil matanya reput,
hatinya umpama takuyung⁵³ siput,
berputar-putar pusing meliput,
menjalankan usaha berebut serabut.

(Sy.Rajang Jenaka, hal. 5)

- 3hb. " harimau - teguhkan iman.
4hb. " kucing - jangan berhati runsing.
5hb. " simpai⁵⁴ - sentiasa berniat baik
dan jangan cepat
merajuk.
6hb. " kerbau - pandai-pandai membawa
dan menjaga diri.
7hb. " tikus - ciptakan nama yang
baik.
8hb. " lembu - mengenang budi.

53. Sejenis siput.

54. Di dalam teks dieja sipai (سيقى) sebetulnya simpai, hal. 5.

- 9hb. " anjing - sepakat bermuafakat.
- 10hb. " naga - berani kerana benar,
jangan berbantah-
bantahan tetapi se-
baliknya amalkan
sikap bermaaf-maafan.
- 11hb. " kambing - amalan yang baik jangan
hanya dibuat sekali.
- 12hb. " mayang - sayangkan pada sanak
saudara dan ingat pada
handai taulan.
- 13hb. " gajah - sentiasa cergas dan
jangan bimbang.
- 14hb. " pari - tulus ikhlas bukan
kerana wang, jujur dan
dermawan.
- 15hb. " ikan - bekerja untuk diri
sendiri, amalkan rukun
damai dan sentiasa
bersihkan hati.
- 16hb. " kijang - berpedoman. Tetapi
baginda sering me-

- ngenang nasib sendiri
yang dimisalkan belayar
tiada berpedoman.
- 17hb. " singa - niat mesti baik, kata
nista jangan dibalas,
jangan malas menunaikan kewajipan, jangan
gopoh tetapi hendaklah
berfikir dahulu.
- 18hb. " helang - berbuat baik jangan
alang kepalaq, jangan
cepat tersinggung (atau
pemarah) penawarnya
hanya iman.
- 19hb. " merak - jangan lekas bosan.
- 20hb. " kala - jangan diikut perilaku
serigala kerana dalam
tidur membuat bantah
(berkelahi).

- 1 likur " bayan - memberi layanan pada tetamu yang datang agar hubungan bertambah mesra.
- 2 " " gagak - bertegur sapa, banyakkan tawakkal kepada Allah.
- 3 " " punai - jangan buat barang yang dilarang.
- 4 " " kiking - jangan bingking (bongkak).
- 5 " " lukan - tegas tetapi bukannya keras.
- 6 " " tiram - semuafakat, berfikir dahulu sebelum berkata dan biar lambat asal selamat.
- 7 " " orang - setia kepada Allah, jangan diturut jalan yang jahat dan jangan berputus asa.

8 " " kawari - jangan bercerai berai.
9 " " arnab - jangan tamak seperti
bunyi rangkap syair
ini:-

Tabiat buaya misal pepatah,
ibarat Belanda diberi tanah,
tidak dilepas meminta tambah,
itulah perangai tiada amanah.

(Sy.Rajang Jenaka, hal. 15)

30hb. " pelanduk - kalau bekerja jangan
tunjukkan sikap yang
malas (mengantuk).

Dengan berdasarkan kepada maksud-maksud rajang
di atas maka dapat diambil kesimpulan bahawa perkara
pokok atau tema yang ingin disampaikan pengarang ialah
"kemakmuran dan keamanan sesebuah negara tidak akan
tercapai jika kepimpinannya tidak bijak dan pandai
menangani hal ehwal diri sendiri, masyarakat, bangsa dan
negara dengan menurut garis pandu ajaran Islam terutama
beriman dan berniat yang baik".

3.2.3 Syair Perlembagaan Negeri Brunei (SPNB)⁵⁵

SPNB ini naskhah asalnya adalah dalam tulisan jawi. Ia diselenggarakan dan diterbitkan oleh Dato Othman bin Talib dengan kerjasama Syed Nasir bin Ismail, Dewan Bahasa dan Pustaka, Persekutuan Tanah Melayu. Teks ini tidak ada catatan tarikh penerbitannya. Tetapi berdasarkan beberapa rangkap syair dapat diketahui tentang masa, hari, bulan dan tahun syair ini disiapkan iaitu pada jam 5.30, hari Jumaat, 30 September 1960 Masihi bersamaan dengan 9 Rabi'ul Awal⁵⁶ tahun 1380 Hijrah.

SPNB mengandungi 97 halaman. Teks syair bermula dari halaman 1 hingga 89 (tidak termasuk gambar-gambar yang disertakan). Halaman 90-97 pula adalah glosari bagi perkataan atau dialek Melayu Brunei yang dierangkan dalam

55. Naskhah yang digunakan adalah dalam bentuk salinan (xerox) ihsan daripada Pusat Sejarah semasa pengkaji menyiapkan Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, UBD., NBD., sesi 1989-1991. Teks SPNB ini telah ditranslitrasi oleh pengkaji semasa menyiapkan Latihan Ilmiah tersebut. Pada tahun 1994 (di akhir kajian Sarjana Sastera pengkaji), pihak DBP., NBD., telah menerbitkan SPNB ini ke dalam edisi rumi.

56. Kalau menurut Takwim Islam adalah Rabi'ul Akhir bukan Rabi'ul Awal. Penerangan lanjut sila lihat Hjh. Rayah bte Md.'Ali, op. cit., hal. 9.

bahasa Melayu standard. Rangkap-rangkap syair berjumlah 1055 rangkap dan mengandungi 4220 baris. Teks ditulis dengan dua baris di sebelah kanan dan dua baris lagi di sebelah kiri dalam tiap-tiap satu rangkap. Contohnya (lihat lampiran 14) :-

.....
.....
.....
.....

Teks ini juga pada beberapa halaman dihiasi dengan gambar-gambar Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sir Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddin semasa proses perjanjian perlembagaan. SPNB juga mengandungi mukadimah dan penutup. Mukadimahnya bermula:-

Dengan nama Allah permulaan kalam,
rahmatnya banyak memenuhkan alam,
siapa berusaha siang dan malam,
dapatlah rahmatnya di dunia alam.

(Sy. Perlembagaan Negeri Brunei, hal. 1)

Penutup syair pula berbunyi:-

Perkenankan olehMu Tuhan Rabbana,
kerja kebajikan mudahan terlaksana,
jangan mendapat nama merana,
terhindar daripada bala bencana.

(Sy. Perlembagaan Negeri Brunei, hal.89)

Tamatul kalam (﴿ تَمَّتُ الْكَلَامُ ﴾)

Di antara isi kandungan SPNB ini ialah **mengutarakan** kisah sebelum, semasa dan sesudah termetrinya **perjanjian** perlembagaan negeri Brunei. Di samping itu **selain** daripada pemikiran-pemikiran yang berupa nasihat **baginda** kepada anakanda baginda yang bakal menerajui **negara** Brunei, kisah-kisah yang lain juga ada diselitkan **seperti** kisah baginda di London, di Kuala Lumpur, kisah **balik** ke Brunei, kisah persekolahan dan percutian dan **kisah** perempuan. Sebagai contoh dari kisah-kisah tersebut **diturunkan** seperti berikut:-

Sebelum termetri perlembagaan:-

Sebelum diambil langkah muktamad,
dilantik komiti memberi maklumat,
pergi ke daerah bertemu rakyat,
mencari fikiran suara muktamad.

(Sy. Perlembagaan Negeri Brunei, hal. 2)

Perlembagaan dirunding sangatlah leka,
semenjak tahun lima puluh tiga,
dengan kerajaan Seri Paduka,
Baginda Queen negeri Eropah.

(Sy. Perlembagaan Negeri Brunei, hal. 4)

Dengan berdasarkan kepada rangkap-rangkap syair **di atas**, jelas menunjukkan bahawa sebelum termetrinya **perjanjian perlembagaan**, keputusan yang diambil, **bukanlah** atas fikiran dan tindakan baginda sendiri malah **hasil** daripada muzakarah atau **persemuafakatan bersama rakyat**. Justeru itu, untuk mengambil keputusan yang **muktamad**, rancangan telah diusahakan sejak tahun 1953 **lagi**.

Semasa perjanjian di London dan termetrinya Perlembagaan:-

Enam haribulan April lima puluh sembilan,
disaat misteri yang kebetulan,
ditandatangani perlembagaan taulan,
oleh kedua rombongan berkenalan.

(Sy. Perlembagaan Negeri Brunei, hal.25)

Rombongan kenalan dan bersahabat,
berunding berbicara secara sihat,
perlembagaan disain rundingan tamat,
ucapan syukur mudahan selamat.

(Sy. Perlembagaan Negeri Brunei, hal.25)

Dua rangkap syair di atas menjelaskan bahawa di peringkat awal perjanjian perlembagaan telah ditandatangani pada 6 April, 1959 di London dengan lancar dan dalam situasi yang harmoni. Setelah kembali ke Brunei dilakukan perasmian dan pengisytiharan iaitu sebagai tanda termaktubnya perlembagaan bertulis negeri Brunei. Rangkap syair tersebut ada mencatatkan:-

Menetapkan istiadat tamat dirundingkan,
dua puluh sembilan hari dimaksudkan,
bulan sembilan dipersetujukan,
lima puluh sembilan tahun dinyatakan.

(Sy. Perlembagaan Negeri Brunei, hal.
43)

Saat dimetrikan dua belas setengah,
jam waktu dua belas bersama jumlah,
pada hari Selasa jika tak salah,
dilangsungkan istiadat di Lapau perintah.

(Sy. Perlembagaan Negeri Brunei, hal.
43)

Dua rangkap syair di atas menjelaskan bahawa perasmian dan pengisytiharan Perlembagaan Bertulis Negeri Brunei telah termaktub pada jam 12.30 hari Selasa, 29 September 1959, di Lapau Brunei.

Selepas Perjanjian:-

Selepas perjanjian, segala hasil perbincangan dalam perlembagaan telah diterjemahkan dan disusun dalam bahasa Melayu. Di samping itu beberapa orang telah dilantik memegang jawatan-jawatan penting negara:-

Encik Ali sebagai Peguam Negara

Wan Ahmad sebagai Setiausaha Kerajaan

Haji Ibrahim sebagai Menteri Besar

Berdasarkan pada keseluruhan isi kandungan SPNB dapatlah disimpulkan temanya adalah "Maksud dan tujuan mencapai sesuatu perkara apatah lagi membela bangsa dan negara tak akan tercapai atau terlaksana tanpa adanya persemuafakatan atau permuzakarahan".

3.2.4 Rampaian Laila Syair (RLS)⁵⁷.

RLS adalah dalam bentuk tulisan rumi yang telah diselenggarakan dan diterbitkan oleh Mohd. Jamil al-Sufri, Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei, pada tahun 1966. Ia dicetak oleh Malaysia Printers Ltd., Singapura. RLS mengandungi tiga judul dan teks syair iaitu Syair Laila Hasrat (SLH), Syair Laila Cinta (SLC) dan Syair Laila Jenaka (SLJ). RLS mengandungi 131 halaman. SLH dimulai dari halaman 1-32, SLC dari halaman 33-69 dan SLJ dari halaman 71-131. Dari segi rangkap pula SLH mengandungi 129 rangkap, SLC mengandungi 186 rangkap dan SLJ mengandungi 242 rangkap. Jadi, semua sekali rangkap RLS ini berjumlah 557 rangkap. Cara penulisannya pula ditulis empat baris dalam satu rangkap dan terdiri dari bahagian-bahagian. Setiap bahagian pula terdiri antara 3, 4, 5 atau 6 rangkap. SLH mengandungi 32 bahagian, SLC mengandungi 37 bahagian dan SLJ mengandungi 61/60 bahagian. Glosari daripada dialek Melayu Brunei

57. Naskhah RLS yang berbentuk salinan(xerox) adalah ihsan dari Pusat Sejarah kepada pengkaji. RLS telah diterbitkan oleh pihak DBP., NBD., dalam edisi rumi baru(cetakan pertama) pada tahun 1994. Edisi baru ini tanpa menggunakan bahagian-bahagian.

dalam bahasa Melayu Standard diberi pada nota kaki. Sementara, tiap-tiap judul dan teks syair mengandungi mukadimah dan penutup. Mukadimahnya terdiri daripada puji-pujian kepada Allah di samping lagu-lagu Brunei Asli manakala penutupnya selain daripada rangkap-rangkap penutup syair ini juga disudahi dengan kata 'tamat'. Di bawah diturunkan mukadimah dan penutup ketiga-tiga buah syair tersebut:-

Syair Laila Hasrat

Mukadimah:-

Mendahulukan puji kepada Allah,
dengan mengata Alhamdulillah,
memohonkan kebajikan dikurniakan Allah,
ke dalam hati duduk berjumlah.

(Sy.Laila Hasrat, hal. 1)

Penutup:-

Tamatlah syair tamat karangan,
untuk anakanda laila timangan,
kalau tak baik dicela jangan,
hanya semata untuk kenangan.

(Sy.Laila Hasrat, hal. 32)
'TAMAT'

Syair Laila Cinta

Mukadimah:-

Adai-adai nak berdatang sembah,
anaindung mula persebah,
anding kudida lagi menambah,
ikatan muhibbah simpulan jumlah.

(Sy.Laila Cinta, hal. 33)

Penutup:-

Tamatlah syair laila cinta,
buat bacaan anakanda juita,
kalau terpakai⁵⁸ anakanda mahkota,
ambil yang baik buang yang leta.

(Sy.Laila Cinta, hal. 69)

TAMAT

Syair Laila Jenaka

Mukadimah:-

Adun ku bima wahai disayang,
adun baku bima sayang disayang,
elok diadun berkasih sayang,
hubungan baik jangan melayang.

(Sy.Laila Jenaka, hal. 71)

58. Terpakai maksudnya berguna, mahu, ingin. Tetapi di dalam teks digunakan imbuhan 'ber'(berpakai), ternyata imbuhan ini tidak sesuai dalam teks.

Penutup:-

Mudahan suasana adil dan aman,
laila berjalan menurut pedoman,
mengikut undang-undang dan laila firman,
diwaraskan fikiran laila budiman.

(Sy.Laila Jenaka, hal. 131)

TAMAT

Sejauh yang diketahui, belum ada kajian secara ilmiah dilakukan terhadap RLS ini. Tetapi penulisan berupa rencana atau eseи (petikan dari beberapa ranqkap syair) ada dibuat sama ada termuat di dalam buku-buku, majalah-majalah maupun pada beberapa kertas kerja seperti dalam seminar dan simposium. Contohnya termuat dalam buku Penyair Diraja oleh Mohd. Jamil al-Sufri dan Kertas Kerja berjudul "Jiwa Raja dan Rakyat Dalam Puisi-Puisi Brunei Darussalam" oleh Harun Mat Piah di Seminar Antarabangsa Kesusastraan Melayu III, UKM., Bangi Selangor pada September 1993.

Di antara isi kandungan RLS adalah:-

3.2.4.1 Syair Laila Hasrat

Ringkasan isi kandungan SLH ini dibuat berdasarkan pada bahagian-bahagian syair yang terdapat dari bahagian 1 hingga 32. Setiap bahagian mengandungi 4 rangkap. SLH banyak menampilkan pemikiran-pemikiran baginda yang berupa permohonan, pesanan, harapan, cadangan dan nasihat kepada bakal-bakal pemimpin dan pentadbir terutama kepada anakanda baginda yang bakal menerajui dan memerintah Negara Brunei Darussalam. Di bawah diturunkan secara ringkas maksud kandungan syair di setiap bahagian.

Bhg.

Ringkasan Isi Kandungan

- 1 - Kata puji-pujian dan permohonan baginda kepada Allah.
- 2 - Baginda memohon badan yang sihat, iman yang kukuh dan kekal membuat kebajikan.
- 3 - Permohonan kepada Allah agar disampaikan segala hasrat dan niat baginda yang ingin

- melihat segala kebahagiaan dan kebaikan.
- 4 - Harapan pada nama yang baik.
- 5 - Harapan pada hubungan silaturrahim dan patuh pada undang-undang negara adalah melalui ilmu.
- 6 - Hasrat baginda pada keadilan, muzakarah demi kemakmuran negara.
- 7 - Tabah dan jangan buat segala rancangan secara bersendirian.
- 8 - Sentiasa berwaspada, pitah dan cekal terutama dalam majlis-majlis perbincangan.
- 9 - Jujur dan bersihkan hati.
- 10 - Penerangan hendaklah nyata dan terang dan jangan sekali-kali mengeluarkan kata-kata yang bohong.
- 11 - Segala kata dan janji jangan sekali diubah-ubah.
- 12 - Tugas sebagai seorang pentadbir dan Sultan tidak semudah pada sebutan tetapi sebaliknya banyak kesulitan dalam menjalankan tugas dan kewajipan. Justeru itu dalam menangani pentadbiran negara mestilah banyak menggunakan fikiran.
- 13 - Dengan menggunakan simbol atau lambang-lambang, baginda menurunkan rangkap-rangkap syair seperti berikut:-

Hairanku sangat bukan kepalang,
di perjamuan makan berkalang⁵⁹
sudah nasib untungku malang,
padiku tanam bertumbuh lalang.

Padiku tanam lalang tumbuhnya,
sungguh nasib badan kiranya,
kepada aku tak kenapanya,
kalau sudah nasib apa salahnya.

(Sy.Laila Hasrat, hal.13)

Maksudnya ada sesuatu hasrat atau hajat dan harapan baginda kepada seseorang yang dikasihi yang tidak tercapai. Bagi mengkaji maksudnya mungkin dalam menuntut ilmu pengetahuan.

14 - Menuntut ilmu.

15 - Kepentingan ilmu pengetahuan itu berbagai-
bagai seperti yang tersurat dalam rangkap syair
berikut:-

59. Makan berkalang maksudnya makan beristiadat. Maksud pada setiap dialek Brunei yang diberi maknanya di sini adalah mengikut teks yang dirujuk.

Banyak dibaca luas pendengaran,
banyak diperbuat menambahkan fikiran,
banyak dirancang menambahkan sifiran,
disitukan elok peta ukiran.

(Sy Laila Hasrat, hal. 15)

- 16 - Elakkan seperti katak di bawah tempurung.
- 17 - Jangan sekali-kali melakukan kecuaian.
- 18 - Mengerjakan sesuatu itu hendaklah bermuafakat atau bermuzakarah.
- 19 - Jujur dan berkerjasama.
- 20 - Segala cadangan hendaklah nyata dan diteliti.
- 21 - Berterus terang seperti bunyi dalam rangkap syair berikut:-

Dengan seperti budinya jujur,
berterus terang laila bujur,
indah rancangan laila mujur,
itulah pembawaan laila pengajur⁶⁰

(Sy Laila Hasrat, hal. 21)

- 22 - Tumpukan matlamat atau tujuan kepada 3K iaitu kebijikan, kebaikan dan keelokan serta

60. Pengajur bermaksud kepala negara; ketua pentadbir; pemimpin.

perhatikan dengan terperinci setiap undang-undang, peraturan dan susunan kuasa.

- 23 - Jangan melakukan sesuatu perkara sebelum masanya atau dengan kata lain fikirkan semasak-masaknya sebelum membuatnya. Hal ini dirakamkan dalam syair berikut yang berima pantun:-

Sebelum pandai merangkak,
jangan cuba hendak berlari,
sebelum pandai berlagak,
jangan cuba hendak menari.

(Sy.Laila Hasrat, hal. 23)

- 24 - Kuatkan semangat.
25 - Ikuti jalan yang baik.
26 - Taat pada peraturan dan undang-undang negara.
27 - Berpegang pada janji (kata-kata).
28 - Perkara yang wajib (perlu) hendaklah didahulukan daripada yang lain.
29 - Baginda memohon kepada Allah agar baginda dapat melaksanakan kewajipan mentadbir negara dengan baik dan sihat.
30 - Ambil contoh atau tauladan yang baik.

31 - Dapat mensesuaikan segala perkara terutama dalam pentadbiran.

32 - Tinggalkan nama yang baik dalam sejarah.

Berdasarkan isi kandungan dalam Syair Laila Hasrat ini maka dapatlah disimpulkan bahawa temanya, "Tanpa hasrat dan harapan bagi seseorang pemimpin atau pentadbir untuk menuju ke arah kebaikan, kesejahteraan dan kebahagiaan sudah tentu negara akan mengalami kemunduran dan kepincangan. Justeru itu tugas para pentadbir atau pemimpin adalah cukup berat dalam membina dan merancang sesuatu perkara semata-mata untuk kemakmuran rakyat dan keamanan negara". Hal ini dibuktikan oleh dua rangkap syair berikut:-

Tugas pentadbir dan juga Sultan,
boleh jadi senang pada sebutan,
apabila diteliti banyak kesulitan,
pada menjalankan tugas perbuatan.

Pada menjalankan tugas pentadbir,
hendaknya banyak menggunakan fikir,
menguatkan kiraan dan juga sifir,
daripada mula sehingga akhir.

(Sy.Laila Hasrat, hal. 12)

3.2.4.2 Syair Laila Cinta (SLC)

Ringkasan isi kandungan SLC ini juga dibuat berdasarkan pada bahagian-bahagian syair daripada no. 1 hingga 37. Setiap bahagian mengandungi 5 rangkap kecuali bahagian 37 mengandungi 6 rangkap. Dalam SLC ini, pemikiran baginda lebih menumpukan pada aspek 'cinta' iaitu cinta pada diri sendiri dan cinta kepada negara.

Bhg.

Ringkasan

- 1 - Pembukaan syair dengan menyebut lagu-lagu tradisional Brunei seperti 'adai-adai' dan 'anding kudida'.
- 2 - Menyatakan kepentingan cinta iaitu cinta pada perkara-perkara yang mendatangkan faedah dan kebaikan.
- 3 - Cinta terhadap kewajipan dan tanggung jawab.
- 4 - Subur dan cinta pada negara demi kemakmuran dan ke bahagiaan.

- 5 - Cinta pada anggota badan dengan melakukannya ke arah yang mendatangkan kebaikan seperti mata, telinga, tangan, kaki, mulut, hidung dan akal fikiran.
- 6 - Buktikan setiap kecintaan kita terhadap tubuh badan tadi.
- 7 - Cara mencintai negara adalah dengan membuat kebajikan, menghubungkan kebaikan, jujur dan ikhlas.
- 8 - Tanamkan amalan kecintaan ini diperingkat awal persekolahan.
- 9 - Keikhlasan tidak ada bandingannya melainkan kesudian.
- 10 - Cinta kepada ilmu pengetahuan.
- 11 - Harta yang berkekalan adalah ilmu.
- 12 - Pelihara persahabatan dengan orang-orang atau negara yang baik.
- 13 - Sebaliknya, hendaklah dihindari dari orang, fahaman atau negara-negara yang tidak sama ideologi dengan kita, misalnya fahaman komunis.
- 14 - Tuntutlah ilmu untuk kebaikan.

15 - Utamakan kebijikan rakyat dengan berkonsep pada keadilan. Dua rangkap syair di bawah ada menjelaskan:-

Biar utamakan kepada ramai,
supaya luas padi disemai,
di dalam negeri yang laila permai,
ke arah kebijikan ikatan damai.

Bukan damai untuk sendiri,
untuk ramai laila berseri,
untuk keamanan sama berdiri,
laila adil itu tagari⁶¹.

(Sy.Laila Cinta, hal.47)

16 - Eratkan hubungan dengan negara yang telah banyak memberi pertolongan kepada negara Brunei terutama England. Dalam rangkap berikut ada dinyatakan:-

England, Brunei bersahabat lama,
sama menjalankan tugas saksama,
lain-lain negeri tak dapat menyama,
Brunei dan England rakan yang lama.

(Sy.Laila Cinta, hal. 48)

17 - Kerjasama antara dua negara ini adalah di atas dasar persemuafakatan.

61. Tagari maknanya pegang.

- 18 - Cinta kepada undang-undang negara.
- 19 - Kata-kata biar jelas dan benar.
- 20 - Sebaliknya jangan keluarkan kata-kata yang sombong dan bongkak seperti bunyi rangkap syair ini:-

Kata-kata mustahil si limau abung,
kata-kata kosong jangan melambung,
belum berakal hanyalah ambung,⁶²
bukan tempatnya membuat sombong.

(Sy. Laila Cinta, hal. 52)

- 21 - Mengerjakan segala perkara biarlah secara sederhana.
- 22 - Mentadbir negeri bukan atau tidak seperti bersukan (bermain).
- 23 - Buktikan cinta pada anggota badan kita seperti apa yang digambarkan dalam rangkap syair berikut:-

Cintakan tangan kapai-kapaikan,
cintakan kaki jalan-jalankan,
cintakan mata pandang-pandangkan,
laila adil hati betulkan.

(Sy. Laila Cinta, hal. 55)

62. Ambung bermaksud sombong. Di dalam teks di ejam ambong.

- 24 - Berbaik sangka.
25 - Mengutamakan pentadbiran negara (kerajaan).

Hal ini telah dijelaskan dalam rangkap syair berikut:-

Kerusi Kerajaan bukannya mudah,
susahnya tiada dapat dipadah,
bukannya tambal bukan jawadah,
diambil saja mesti berpadah.⁶³

Maka disebut kerusi Kerajaan,
di situ tempat membuat pekerjaan,
untuk mengelokkan segala perusahaan,
bagi memolekkan segala rekaan.

(Sy. Laila Cinta, hal. 57)

- 26 - Menjalankan pekerjaan dengan bersih, cekap dan amanah. Lambang dan simbol dalam rangkap syair berikut menjelaskan lagi aspek tersebut:-

Meja kerusi di Opis perintah,
menjalankan tugas tak dapat berbantah,
ibarat bermasak janganlah mentah,
kalau tak kenyang tak lekas muntah.

(Sy. Laila Cinta, hal. 58)

63. Berpadah bermaksud beritahu atau nyatakan.

- 27 - Jangan terlalu rakus dan tamak.
- 28 - Teliti dan kaji dengan sempurna dalam sesuatu perkara.
- 29 - Jadikan amalan sikap nasihat menasihati.
- 30 - Rancang negara dengan terator. Lihat apa kata dalam rangkap syair berikut:-

Laila munafaat rancangan peta,
laila bersih niatnya nyata,
laila bermutu madah dan kata,
laila lurus maksud dan cinta.

(Sy. Laila Cinta, hal. 62)

- 31 - Bersiap sedia sebelum masanya. Hal ini dapat diikuti dalam rangkap syair berikut:

Jangan berjalan sebelum tiarap,
jangan berlari sebelum duduk,
misalkan burung tiada bersayap,
tiada berkaki hendakkan runduk.⁶⁴

(Sy. Laila Cinta, hal. 63)

- 32 - Buktikan usaha dan ikhtiar. Jangan seperti tanda tanya dalam rangkap syair berikut:-

64. Runduk bermaksud turun ke bumi.

Apa dikatakan jasa berkesan?
apa dikatakan berbudi bosan?
yang mana dikatakan laila alasan?
yang mana dia laila ulasan?

laila alasan dari siapa?
laila ulasan daripada apa?
laila berkesan kerana apa?
entah bosan iaitu mengapa?

(Sy. Laila Cinta, hal.64)

- 33 - Sebelum membuat sesuatu perkara hendaklah dikaji terlebih dahulu seperti apa yang dimadahkan dalam bunyi syair berikut:-

Elok dieja sebelum membaca,
elok berfikir sebelum memuja,⁶⁵
elok dikaji sebelum bersima,
tunduki kaki sebelum melangkah.⁶⁶

(Sy. Laila Cinta, hal. 65)

- 34 - Jangan kelam kabut.

- 35 - Jangan memutus asakan atau harapan seseorang terutama rakyat.

65. Memuja bermaksud menjadikan.

66. Imbuhan [Me] dalam teks asal diberi imbuhan [ber]. Jika [ber] tidak sesuai dalam ayat.

- 36 - Mengenang budi.
37 - berterus terang.

Berdasarkan isi kandungan SLC yang tersebut di atas maka dapatlah diambil kesimpulan bahawa tema syair ini kira-kira berbunyi begini, "Tanpa adanya perasaan cinta dalam diri seseorang baik cinta pada diri sendiri, cinta pada seseorang, cinta pada masyarakat, cinta pada negara dan cinta kepada Tuhan maka akhirnya kita akan mengalami kekosongan dalam hidup terutama jika tanpa cinta disertai dengan tanpa iman. Tetapi jika sebaliknya, hasilnya akan dapat dinikmati seperti yang tergambar dalam rangkap syair berikut:-

Laila suasana berketenteraman,
negara aman rakyat budiman,
keadaan Brunei sentiasa aman,
laila rajin mengikut iman.

(Sy.Laila Cinta, hal. 68)

3.2.4.3 Syair Laila Jenaka (SLJ)

SLJ ini mengandungi 61 (dalam teks asal disebut 60A) bahagian. Pada setiap bahagian terdiri dari 4 dan 3 rangkap (di bahagian permulaan dan bahagian akhir

mengandungi 3 rangkap). Isi kandungan SLJ ini juga dibuat berdasarkan bahagian-bahagian tersebut. Dalam SLJ ini mendedahkan pemikiran baginda pada aspek seruan(banyak menggunakan kata 'wahai') agar masyarakat terutama pemimpin mengutamakan perkara-perkara yang disebutkan dalam isi kandungan di bawah ini:-

Bhg.

Isi Kandungan

- 1 - Pentingnya hubungan berbaik-baik.
- 2 - Tabah, jujur, benar, berusaha, bersemangat, cekal dan ikhlas.
- 3 - Gunakan pancaindera dengan sebaik-baiknya.
- 4 - Amalkan keadilan.
- 5 - Taat setia.
- 6 - Ingatkan jasa.
- 7 - Berilmu pengetahuan.
- 8 - Mengenang budi.
- 9 - Adil dan bijaksana.
- 10 - Berkerjasama.
- 11 - Gunakan minda pemikiran semasa menjalankan tugas pentadbiran.

12 - Pentingnya penulisan. Contohnya cuba
lihat lambang-lambang yang dipakai dalam
rangkap-rangkap syair berikut:-

Wahai kalam elokkan jalan,
dakwat menitik tiada sabalan,⁶⁷
sabilang⁶⁸ huruf jangan ketinggalan,
laila sajakmu itu bekalan.⁶⁹

(Sy. Laila Jenaka, hal. 82)

13 - Bertanggungjawab di samping tabah dan
menjaga diri dengan perkara-perkara yang
baik. Baginda menyalurkan pesanan
tanggungjawab ini melalui lambang-
lambang yang digunakan di dalam dua rangkap
syair berikut:-

67. Sabalan bermaksud segan atau ragu-ragu.

68. Sabilang bermaksud setiap.

69. bekalan bermaksud bawaan; bata; buah tangan.

Wahai bahu hendakmu memikul,
jangan berpeluk tangan menakul,⁷⁰
benda disahan⁷¹ berpikul-pikul,
tabahkan hatimu jangan menyakul.⁷²

pinggang, peha, kaki bertapak,
kalau berjalan jangan bersepak,⁷³
susun kakimu satapak-satapak,⁷⁴
pelihara dirimu jangan terumpak.⁷⁵

(Sy. Laila Jenaka, hal. 83)

- 14 - Jangan terlampaui gopoh dan kelam kabut
jika membuat sesuatu pekerjaan (mulakan
pekerjaan selangkah demi selangkah).
- 15 - Sesuaikan diri (ukur baju di badan
sendiri).
- 16 - Dermawan. Cuba lihat imej dermawan yang
ditonjolkan dalam rangkap syair berikut:-

70. Menakul bermaksud berpeluk tangan

71. Disahan bermaksud dipikul; membawa barang di atas bahu.

72. Menyakul bermaksud lembek, tidak kuat.

73. Sepak bermaksud sentuh.

74. Satapak bermaksud selangkah.

75. Terumpak bermaksud terkena sesuatu benda yang keras; terkena
sesuatu benda yang tidak diingini atau tidak disukai.

Derma hati hebah-hebahkan,
derma budi curah-curahkan,
derma jasa tabur-taburkan,
derma ingatan kenang-kenangkan.

(Sy. Laila Jenaka, hal. 86)

- 17 - Jangan suka mengambil kesempatan seperti yang dijelaskan dalam syair ini:-

Derma dari orang laila berpeta,
jangan dijadikan bagi derma kita,
derma diterima budi yang nyata,
jangan diambil ke mana kita.

(Sy. Laila Jenaka, hal. 87)

- 18 - Berperi kemanusiaan dan selalu memberi nasihat.

- 19 - Nasihat yang perlu dilakukan setiap masa ialah:-

Cintakan keamanan laila cara,
mengekalkan ketenteraman laila negara,
nama Darul Salam laila ditara,⁷⁶
makmor laila subur terpelihara.

(Sy. Laila Jenaka, hal. 89)

76. Ditara bermaksud dijadikan lambang; dibuktikan; dipelihara.

- 20 - Berterus terang.
- 21 - Tidak mementingkan diri sendiri.
- 22 - Tidak dengki kecuali pada perkara yang mendatangkan kebajikan. Jika sikap dengki bersebatи dalam diri seseorang maka perangai tersebut sama seperti haiwan. Gambaran ini telah dipaparkan dalam rangkap syair berikut:-

Kalau dengkikan kebajikan kawan,
dapat kebajikan sahabat ditawan,
cara demikian ialah haiwan,
diharamkan Allah segala tujuan.

(Sy. Laila Jenaka, hal. 92)

- 23 - Amalan pendengki adalah amalan orang yang tidak bijak.
- 24 - Hubungan kerjasama sangat-sangat dikehendaki.
- 25 - Jangan menyinggung hati kawan atau rakan dan lain-lain.
- 26 - Adil, bijaksana serta beriman.
- 27 - Beri layanan kepada para sahabat, tetamu, pegawai dan petugas sama ada di dalam negeri

mahupun mereka yang didatangkan ke negeri ini.

28 - Jadikan sikap yang baik itu sebagai amalan dalam hidup.

29 - Tanamkan kasih sayang pada negara. Kalau tanpa sikap ini maka berkemungkinan jadilah seperti rangkap syair di bawah ini:-

Wahai kasih sayang-sayangan,
wahai sayang kasih sayangan,
kalau kasih walang-walangan,⁷⁷
tinggal Brunei keseorangan.

(Sy. Laila Jenaka, hal. 99)

30 - Kebahagiaan manusia dan keamanan masyarakat di dunia ini lebih penting daripada harta yang banyak. Hal ini baginda rakamkan dalam rangkap syair berikut:-

Kemunting lebat bunganya,
bunga suntingen laila kencana,
harta menlimbun⁷⁸ tiada gunanya,
aman berbahagia laila berguna.

(Sy. Laila Jenaka, hal. 100)

77. Walang-walangan bermaksud segan.

- 31 - Keamanan dan ketenteraman itu penting dalam sesebuah negara.
- 32 - Kekalkan nama Darul Salam⁷⁹ dengan cara perundingan.
- 33 - Bertatatertib dan berbudi bahasa.
- 34 - Di sini baginda merendah diri dengan menyatakan tujuan syair dikarang:-

Syair dikarang bukan apa-apa,
kalau-kalau ada gunanya,
kepada anakanda wahai kiranya,
bentuk syair sangat buruknya.

Tangan dipadu kalam bertiti,
sajak disusun tiada seperti,
daripada cinta rawan di hati,
untuk anakanda lalla gusti.

(Sy. Laila Jenaka, hal. 104)

- 35 - Harapan baginda agar syair-syair baginda tidak dicela atau dikeji.

78. Menimbun bermaksud banyak.

79. Sekarang terkenal dengan nama Negara Brunei Darussalam.

36 - Harapan baginda lagi pada ciptaan syair-syair ini hendaklah ditambah; sekiranya terdapat kekurangan manakala yang kurang baik hendaklah diperbaiki.

37 - Baginda suka merendah diri dengan menyatakan bahawa ciptaan syair baginda adalah seperti apa yang dinyatakan dalam rangkap syair ini:-

Untuk anakanda muda yang garang,
sajak disusun syair dikarang,
sajaknya janggal berapat jarang,
bentuk tulisan tiada terang.

(Sy. Laila Jenaka, hal. 107)

38 - Dinyatakan bahawa syair yang dicipta adalah untuk anakanda baginda:-

Wahai anakanda laila kencana,
laila juita tempawan ratna,
laila remaja wahai teruna,
syair dikarang untukmu mengerna.

(Sy. Laila Jenaka, hal. 108)

39 - Masih lagi menyatakan tujuan syair yang dikarang semata-mata sebagai kenangan.

40 - Seterusnya dinyatakan tujuan ciptaan syair adalah sebagai penghibur hati yang duka.

Hal ini dapat dilihat dalam rangkap berikut:-

Syair dibentuk sajak direka,
untuk anakanda Seri Paduka,
sajak disusun madah dibuka,⁸⁰
buat penghibur hati yang duka.

(Sy. Laila Jenaka, hal. 110)

- 41 - Baginda menyatakan betapa susahnya mencipta syair seperti yang didapati dalam madah syair:

Syair dikarang amatlah susah,
untuk menghiburkan hati gelisah,
tambahan⁸¹ kalam dakwatnya basah,
menyusun sajak bukannya tak susah.

(Sy. Laila Jenaka, hal. 111)

- 42 - Bahagian ini pun masih menyatakan tujuan syair dicipta.

- 43 - Berkeadilan, bijaksana, dermawan dan setiawan.

80. Dibuka bermaksud dinyatakan; dihurai.

81. Tambahan bermaksud kerana; disebabkan.

44 - Kukuhkan iman; bertimbang rasa; jangan membuang masa.

45 - Melaksanakan pentadbiran bukanlah perkara yang senang. Rangkap berikut ada menjelaskan:-

Wahai anakanda juita ayah,
menjalankan pentadbiran bukan tak payah,
biasakan badan laila wayah,⁸²
menjalankan tanggungan adalah payah.

(Sy. Laila Jenaka, hal.115)

46 - Adil dan menjaga ketenteraman penting dalam menerajui negara.

47 - Menjalinkan hubungan yang baik dengan sahabat.

48 - Ikhlas dan jujur.

49 - Jangan amalkan seperti perumpamaan 'kacang lupukan kulit'.

50 - Sentiasa berbaik-baik di antara satu dengan lain.

82. Wayah bermaksud penat lelah.

51 - Jika menghubungkan silaturrahim (kasih sayang) jangan mengira masa, bangsa dan bahasa. Hal ini diungkapkan dalam rangkap syair di bawah ini:-

Kasih diberi setiap masa,
tiada mengira bangsa, bahasa,
tiada mengira bahasa dan bangsa,
mengeratkan hubungan sentiasa.

(Sy. Laila Jenaka, hal. 121)

52 - Jadikan sikap pembelas kasihan dan pemurah.

53 - Perkara yang tidak baik(jahat) harus ditentang.

54 - Kekalkan nama yang baik.

55 - Berbudi, berjasa dan jujur.

56 - Adil, dermawan jadi pegangan.

57 - Bersih dalam tugas. Rangkap syair di bawah ada menyatakan:-

Laila jalan untuk kebajikan,
supaya kekal laila kebaikan,
kekalan mudahan laila keelokan,
pembersihan tugas yang dijalankan.

(Sy. Laila Jenaka, hal. 127)

- 58 - Jangan selalu berdukacita(susah hati).
- 59 - Amalkan sikap yang berkebijakan dan kebaikan.
- 60 - Baginda menyatakan syair tamat dikarang pada waktu malam.
- 61(60A) - Baginda menutup syair dengan penuh harapan agar Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam suasana keadilan dan keamanan yang dijalankan menurut pedoman undang-undang dan aturan (firman) yang ditetapkan oleh Allah.

Dengan berdasarkan isi kandungan SLJ tersebut maka dapatlah dibuat kesimpulan bahawa tema atau mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang ialah "imej seseorang pemimpin yang baik tak akan terserlah tanpa adanya nilai rasa iaitu rasa bertanggung jawab(tanggungjawab pada diri sendiri, masyarakat dan negara), rasa muhibah dan rasa ketetapan iman".

3.2.5 Syair Rajang Hari (SRH)⁸³

SRH ini ditulis dalam tulisan rumi cetak. Ia mengandungi 38 halaman, 303 rangkap dan 1212 baris. Di bawah tiap-tiap halaman diberi glosari bagi kata-kata dialek Melayu Brunei dalam bahasa Melayu Standard. SRH ini ditulis empat baris pada setiap rangkap tetapi tanpa tanda baca seperti koma di hujung baris pertama, kedua dan ketiga kecuali baris keempat dibubuh tanda noktah. Kandungan SRH juga terdiri dari bahagian-bahagian dengan bertanda bintang (* * *). Rangkap-rangkap di setiap bahagian adalah tidak sama iaitu ada bahagian yang mengandungi 9 rangkap, 7 rangkap, 5 rangkap dan 4 rangkap. Teks ini juga mengandungi mukadimah dan penutup.

Mukadimahnya berbunyi:-

Bismillah itu mula berfirman,
mula menyebut Falaqul al-Rahman,
ya Ilahi tetapkan iman,
supaya kalbu dapat siuman.

(Sy. Rajang Hari, hal. 132)

83. SRH ini dipetik dalam Antologi Sastera Asean berjodol Warisan Puisi Melayu Brunei, Vol. 2B, terbitan dengan bantuan The Asean Committee On Culture And Information, 1991. Cetakan asal tidak dijumpai.

Penutupnya pula berbunyi:-

Suatu lagi akan tandanya,
barang ke mana pun perginya,
syair ini sahaya empunya,
di kampung Tamoi tempat rumahnya.

(Sy. Rajang Hari, hal. 169)

Di bahagian penutup ada dinyatakan tentang tamatnya penulisan SRH ini tetapi tanpa menyatakan tahunnya. Masa tersebut dirakam dalam rangkap syair berikut:-

Khatam kepada empat haribulan,
waktu jam pukul sembilan,
bulan Safar dengan kebetulan,
hari Ahad ayuhai taulan.

(Sy. Rajang Hari, hal. 168)

Oleh hal yang demikian waktu tamat mengarang SRH ini pada hari Ahad, jam 9.00 dan 4 Safar.

Di antara isi kandungan SRH ini ialah mengisahkan dialog romantis antara Malim dengan Siti di peringkat awal tetapi kisah yang paling menonjol ialah

monolog Malim kepada Siti sambil menyebut hari dan rajangnya. Di bawah ini diturunkan cerita berdasarkan haribulan dengan rajang 'binatang' seperti yang tercatat di dalam syair tersebut.

- 1hb. rajangnya kuda - Malim (kekanda) tidak akan mencari orang lain kecuali adindanya.
- 2hb. " kijang - menyatakan cinta berahi kekanda kepada adinda.
- 3hb. " harimau - adinda selalu di mata hati.
- 4hb. " kucing - harapan kekanda agar adinda tidak runsing atau berkecil hati ketika kekanda keluar negeri.
- 5hb. " simpai - kekanda berdoa agar segala hajat dimakbulkan oleh Tuhan dan dinyatakan juga

- | | | | |
|-------|---|---------|---|
| | | | bahawa kekanda ter- |
| | | | sangat rindu kepada |
| | | | adindanya. |
| 6hb. | " | kerbau | - menyatakan kekanda di |
| | | | rantau orang. |
| 7hb. | " | tikus | - kekanda beradu seorang |
| | | | diri. |
| 8hb. | " | lembu | - niat kekanda tidak akan |
| | | | mencari lain. |
| 9hb. | " | anjing | - hanya adinda penawar |
| | | | hati. |
| 10hb. | " | naga | - sama-sama menanggung |
| | | | duka nestapa. |
| 11hb. | " | kambing | - rindu dendam yang tak |
| | | | sudah dan ingin |
| | | | bertemu secepat mung- |
| | | | kin. |
| 12hb. | " | mayang | - niat hendak bersama |
| | | | mati. |
| 13hb. | " | gajah | - terbayang-bayang wajah |
| | | | adinda. |
| 14hb. | " | singa | - berjumpa dalam mimpi. |

- 15hb. " ikan - kekanda tidak men-
cintai yang lain
(haram bercinta sekali-kali) dan ber-
cerai kasih seperti gila.
- 16hb. " babi - cinta kekanda daripada hidup sampai ke mati.
- 17hb. " helang - adinda seorang jadi kenangan.
- 18hb. " lilipan⁸⁴ - kekanda jangan diputuskan asa.
- 19hb. " benang - bila masanya lagi kita akan bersama.
- 20hb. " hantu - senentiasa risau dan rindu menanti adinda utama jiwa dan ingin bersama-sama mati.

84. lilipan maksudnya lipan.

- 21hb. " arang - rindu kekanda setiap
hari selama adinda
tiada di mata.
- 22hb. " orang - dendam berahi tiada
berkurang, sebab itu
jika kekanda burung
terbangku pulang.
- 3 likur " bayan - kuat hati hendak
bertemu.
- 4 " " pari - kerana terlalu rindu,
barang dimakan pun
tiada tertelan.
- 5 " " pasak - kerana terlalu rindu
dan dendam berahi juga
menyebabkan dalam tidur
terkejut bangun.
- 6 " " merak - wajah adinda terbayang-
bayang
- 7 " " kala - kanda berdoa agar
dijauhkan bala supaya
selamat pulang.

8 " " punai - kanda merasa berdosa
besar. Justeru itu
jangan kekanda di-
murkai.

9 " " sani - oleh kerana berpisah
terlalu lama maka
kanda rasa hidup
seperti mati.

10 rajangnya hari - walaupun berapa lama
di luar negeri namun
pakulun (kekasih) tidak
hilang di mata.

Berdasarkan pada intipati cerita di atas yang berdasarkan pada haribulan dengan rajangnya maka dapatlah disimpulkan bahawa tema syair tersebut ialah "cinta seseorang baik pada kekasih, suami atau isteri, mahupun pada keluarga (anak-anak) tidak akan terasa jika tidak berjauhan atau cinta semakin mendalam apabila kita berjauhan dengan orang yang disayangi atau dikasih".

3.2.6 Syair Asli Rajang Hari (SARH)**

Teks syair ini ditulis dalam tulisan rumi cetak. Ia diselenggarakan oleh Mohd. Jamil al-Sufri dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, NBD. SARH juga dicetak oleh M. P. H. Printers Sdn. Bhd., Singapura pada tahun 1967. Bentuk buku berkulit tebal(keras) yang berwarna merah tua. Di kulit buku dihiasi dengan lambang bunga (seakan-akan matahari) oleh Awangku Mohammad bin Pg. Duraman. Panjang dan lebar buku ialah 19 x 13 sentimeter. SARH mengandungi 104 halaman, 516 rangkap, 2067 baris (termasuk satu rangkap 7 baris di halaman 98). Cara penulisan pada setiap baris 1,2 dan 3 dibubuh tanda koma dan baris ke-4 diberi tanda noktah. Contohnya seperti dibawah ini (lihat juga lampiran 14).

.....,,
.....,

85. Naskhah SARH ini dipinjamkan kepada pengkaji oleh Pg. Dato Paduka Haji Hidup bin Pg. Hj. Hashim atas ihsan daripada Duli Yang Teramat Mulia Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien sendiri kepada Pg. Dato (tercatat di dalam kulit naskhah iaitu dengan ingatan muhibah bertarikh pada 25 Mac 69. Semasa proses akhir kajian pengkaji, pihak DBP., NBD., telah menerbitkan edisi rumi baru, cetakan pertama, 1994.

SARH juga mengandungi mukadimah dan penutup. Di bahagian penutup selain daripada teks rangkap syair yang terakhir ia juga diakhiri dengan kata 'tamat'. Sebagai contoh mukaddimah dan penutupnya berbunyi:-

Mukadimah:

Alhamdulillahi Rabbi 'l-Alamin,
membawa cahaya kebaikan "Amin",
kepada sahabat, keluarga, kelamin,
laila bersinar pancaran cermin.

(Sy. Asli Rajang Hari, hal. 1)

Penutup:-

Alhamdulillah aku ucapkan,
kepada Allah aku pohonkan,
segala usaha untuk kebajikan,
aman dan makmor aku harapkan.

(Sy. Asli Rajang Hari, hal. 104)

TAMAT.

Di halaman-halaman yang akhir diberi glosari kata dialek bahasa Melayu Brunei kepada bahasa Melayu standard.

Sejauh ini SARH telah dibuat kajian oleh Dayang Masni Jais bagi Latihan Ilmiah, Sarjana Muda, UBD., NBD., sesi 1990.

Di antara isi kandungan SARH ini menyeru kepada audien umumnya dan kepada para pentadbir dan bakal-bakal pemimpin waktu itu. Kandungan SARH ini ditujukan pada anakanda baginda yang bakal menjadi Sultan agar membuat perkara-perkara yang berkebijakan demi rakyat, bangsa dan negara seperti yang disyorkan atau dicadangkan dalam rajang-rajang hari yang disebutkan di dalam rangkap-rangkap syair.

- 1hb. rajang hari Ahad - berkeadilan.
- 2hb. " " Isnin - berkerjasama.
- 3hb. " " Selasa - mengingat jasa.
- 4hb. " " Rabu⁶⁶ - bermuzakarah.
- 5hb. " " Khamis - jujur dan ikhlas.
- 6hb. " " Jumaat - menabur jasa.

86. Di dalam rangkap syair disebut 'Arba'.

7hb.	"	"	Sabtu	-	menerima setiap nasihat dan teguran.
8hb.	"	"	Ahad	-	tabah dan tenang.
9hb.	"	"	Isnin	-	jangan lekas bosan.
10hb.	"	"	Selasa	-	mempereratkan silaturrahim.
11hb.	"	"	Rabu	-	jangan berselisih (bertengkar atau bermusuh).
12hb.	"	"	Khamis	-	jangan mengutamakan diri sendiri.
13hb.	"	"	Jumaat	-	bukan mudah terhutang jasa
14hb.	"	"	Sabtu	-	mengenang budi.
15hb.	"	"	Ahad	-	ihsan dan bijaksama.
16hb.	"	"	Isnin	-	dermawan.
17hb.	"	"	Selasa	-	hati yang bersih.
18hb.	"	"	Rabu	-	pentingkan keamanan dan keadilan.
19hb.	"	"	Khamis	-	kepimpinan melalui ibadat.

- 20hb. " " Jumaat - siasat segala perkara
dan banyakkan fikir.
- 1 likur " " Sabtu - menuntut ilmu.
- 2 " " " Ahad - berwaspada di dalam
perundingan.
- 3 " " " Isnin - mengkotakan setiap
kata.
- 4 " " " Selasa - jangan mungkir janji.
- 5 " " " Rabu - jangan suka berdusta.
- 6 " " " Khamis - penuhi minda dengan
fikiran dan jangan
berpolitik tanpa
pengetahuan asas.
- 7 " " " Jumaat - buktikan segala
rancangan dan bidang
yang diusahakan.
- 8 " " " Sabtu - jangan takut digertak
dan jangan lembut jika
dipujuk.
- 9 " " " Ahad - jangan suka bersikap
pembohong

30 " " Isnin - bertolong-tolongan dan bertawakkal.

Dinyatakan juga tentang perjanjian lama pada tahun 1888 dan perjanjian 1905 antara Brunei dengan kerajaan British kerana ber-naung dan pindaan perjanjian termaktub pada tahun 1906.

Berdasarkan kenyataan di atas maka dapatlah disimpulkan bahawa tema syair berkenaan ialah "kemakmuran, kesejahteraan, keamanan dan kejayaan sesebuah negara tidak akan sempurna jika tidak ada kewibawaan, tanggungjawab dan keperihatinan seseorang pemimpin". Di bawah diturunkan serangkap syair sebagai bukti kenyataan di atas.

Pentadbiran bijak negara aman,
adil dermawan laila pedoman,
negara tenteram rakyat budiman.
aman dan makmur negara siuman.

(Sy. Asli Rajang Hari, hal. 34)

3.2.7 Syair Kenangan (SK)⁸⁷

Syair Kenangan dalam tulisan jawi cetak. Ia dicipta tanpa menyebut tarikh dan penerbit tetapi ia dicetak oleh Qalam (قلم). Menurut salinan (xerox) Syair Kenangan ini berukuran panjang dan lebar buku ialah 22 1/2 x 15 sentimeter. Syair Kenangan mengandungi 50 halaman, 592 rangkap dan 2368 baris. Di halaman-halaman terakhir diberi glosari kata dialek bahasa Melayu Brunei kepada bahasa Melayu Standard. Teks ini ditulis dengan dua baris di sebelah kanan dan dua baris lagi di sebelah kiri dengan tidak menggunakan tanda baca kecuali noktah dalam tiap-tiap satu rangkap (kedudukan baris dan rangkap begini sama dengan Syair Perlembagaan Negeri Brunei. Contohnya:-

87. SK ini dalam bentuk salinan (xerox) ihsan daripada Dewan Bahasa Pustaka dan Pusat Sejarah, NBD.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

Teks ini juga mengandungi mukadimah dan penutup.

Mukadimahnya bermula:-

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,
yang mencucurkan rahmat-Nya banyak tercurah,
kepada hamba-Nya makhluk berjumlah,
yang memohonkan nikmat-Nya bersusah payah.

(Sy. Kenangan, hal. 1)

Penutupnya pula berbunyi:-

Tapuk bartapuk baruyung-uyungan,
jangat berjangat barpucung-pucungan,
rampak dan titir bargulingtangan,
kenang mengenang berkenang-kenangan.

(Sy. Kenangan, hal 50)